



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI



BUKU PROGRAM



PERTANDINGAN

OBOON

MALAYSIA 2025

PERINGKAT KEBANGSAAN

"Usaha Berpasukan, Kejayaan Gemilang"

17-19 JUN
2025

DEWAN SULTAN IBRAHIM (DSI),
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA





Penaja



 <https://robocon.uthm.edu.my/>

 <https://www.facebook.com/RoboconMalaysia>



Kandungan

| | |
|---------------------------------------|----|
| Pengenalan | 3 |
| Objektif | 4 |
| Latar Belakang | 5 |
| Senarai Pasukan | 7 |
| Padang Permainan | 27 |
| Jadual Pertandingan | 28 |
| Aturcara Peluncuran | 34 |
| Aturcara Pertandingan | 35 |
| Aturcara Pusingan Akhir | 36 |
| Aturcara Majlis Penutup | 37 |
| Hadiah Kemenangan | 38 |
| Senarai Pengadil | 41 |
| Ahli Jawatankuasa Kerja Program | 42 |

PENGENALAN

*PERTANDINGAN ROBOCON PERINGKAT KEBANGSAAN 2025
17 – 19 JUN 2025 | UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)*

Robocon ialah pertandingan robot antarabangsa yang menguji keupayaan pelajar universiti untuk merekacipta dan membina robot bagi menyelesaikan tugas tertentu. Ia dianjurkan oleh Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU), dengan penyertaan dari pelbagai negara. Cabaran Robocon berubah setiap tahun, dengan tema yang menguji kreativiti, kemahiran kejuruteraan, dan kerja berpasukan. Untuk Robocon 2025, temanya adalah "*Robot Basketball*", di mana robot perlu bermain seperti pemain bola keranjang! Cabaran utama yang perlu dihadapi oleh pasukan:

- Reka bentuk robot – Pasukan perlu membina robot yang boleh menggelecek, menghantar, dan menjaringkan bola ke dalam jaring setinggi 2.43 meter.
- Pengaturcaraan & Automasi – Robot harus mampu bergerak dengan ketepatan termasuk mengawal bola, bertahan, dan menjaringkan gol.
- Kerjasama Pasukan – Setiap pasukan mengawal dua robot, yang mesti beroperasi bersama untuk mengatasi lawan.
- Strategi Permainan – Markah diberikan seperti bola keranjang sebenar: 3 mata untuk jaringan jarak jauh, 2 mata untuk jaringan jarak sederhana, dan 7 mata untuk jaringan secara melompat (*slam dunk*).
- Tekanan Masa – Setiap pasukan penyerang hanya mempunyai masa 20 saat untuk cubaan menjaringkan gol.

Pertandingan tahun ini dijangka sangat mencabar dan penuh dengan pelbagai strategi corak permainan, kerjasama antara robot dan ketepatan dalam menyerang serta bertahan. Antara aspek kejuruteraan dan teknologi yang perlu diambil kira dalam pembangaunan robot adalah seperti berikut:

- Reka Bentuk Robot yang Dioptimumkan – Pasukan membina robot yang ringan dan pantas, dengan kawalan pergerakan yang sangat tepat.
- Pengaturcaraan Efisien – Menggunakan automasi berasaskan AI dan algoritma untuk membantu robot membuat keputusan dalam masa sebenar.



- Komunikasi Berkesan – Pasukan mengamalkan komunikasi yang jelas dan lancar antara operator manusia dan robot.
- Strategi Permainan & Kebolehsuaian – Pasukan yang hebat menganalisis kelemahan lawan dan menyesuaikan taktik mereka semasa pertandingan.
- Ujian & Penambahbaikan Berterusan – Robot diuji secara intensif untuk memastikan ia boleh berfungsi dengan konsisten di bawah tekanan pertandingan.

Untuk Robocon 2025, pasukan perlu meningkatkan ketepatan dalam menjaringkan bola dan mengoptimumkan strategi bertahan bagi memenangi pertandingan. Penganjur pertandingan Robocon Malaysia 2025 adalah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Pertandingan peringkat kebangsaan ini akan mempertemukan pasukan universiti terbaik dari seluruh Malaysia untuk merebut peluang mewakili negara ke ABU Robocon 2025 yang bakal diadakan di Ulaanbaatar, Mongolia pada 24 Ogos 2025.

OBJEKTIF

*PERTANDINGAN ROBOCON PERINGKAT KEBANGSAAN 2025
17 – 19 JUN 2025 | UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)*

1. Mempromosikan kreativiti dan inovasi dalam bidang robotik serta menggalakkan kerjasama antara pelajar kejuruteraan dan teknologi.
2. Menguji kemahiran teknikal peserta dalam membina dan mengendalikan robot mengikut tema yang ditetapkan.
3. Memupuk semangat berpasukan, kepimpinan, dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar.
4. Menyediakan platform persediaan untuk pertandingan antarabangsa ABU Robocon.

LATAR BELAKANG

*PERTANDINGAN ROBOCON PERINGKAT KEBANGSAAN 2025
17 – 19 JUN 2025 | UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)*

Robocon diasaskan pada tahun 2002 oleh Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU) sebagai pertandingan robot untuk pelajar universiti. Ia berkembang daripada Nippon Hoso Kyokai (NHK) Robocon, yang bermula pada tahun 1991 di Jepun dan hanya melibatkan pasukan dari negara tersebut.

Setiap tahun, Robocon memperkenalkan tema baharu yang unik, lazimnya berasaskan elemen budaya atau cabaran teknologi. Setiap pasukan yang bertanding perlu mereka cipta dan membina robot yang cekap untuk menyelesaikan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan serta bersaing secara langsung dengan pasukan lain. Seiring peredaran masa, pertandingan ini telah berkembang daripada konsep permainan berasaskan pertempuran kepada aspek teknologi, kreativiti, dan kejuruteraan berketepatan tinggi.

Sejak diperkenalkan, acara ini telah dianjurkan di pelbagai negara termasuk Jepun, China, India, Malaysia, dan Vietnam, dengan tema-tema menarik seperti pembinaan piramid dan permainan badminton robotik. Pada tahun 2025, ABU Robocon akan berlangsung di Ulaanbaatar, Mongolia, menampilkan cabaran unik bertemakan robot bola keranjang.

Beberapa negara dan wilayah menganjurkan pertandingan Robocon peringkat kebangsaan bagi memilih wakil ke kejohanan utama ABU Robocon. Ini memberi peluang kepada universiti untuk mempamerkan kepakaran robotik sebelum bersaing di peringkat antarabangsa. Antara negara yang menganjurkan Robocon edisi tempatan adalah:

- Malaysia – UTHM menjadi tuan rumah Robocon Malaysia 2025, diadakan pada 17 – 19 Jun 2025 di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.
- Jepun – NHK Robocon bertindak sebagai pusingan kelayakan kebangsaan sejak tahun 1991.
- Vietnam – Menganjurkan Robocon Vietnam, pemenang akan mewakili negara ke ABU Robocon.



- India – Robocon India, dianjurkan oleh Doordarshan dan universiti tempatan, memilih juara untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa.
- China – China menganjurkan Robocon Kebangsaan, memilih pasukan terbaik untuk bertanding di peringkat antarabangsa.
- Hong Kong – Robocon Hong Kong, dianjurkan oleh Hong Kong Science & Technology Parks dan Radio Television Hong Kong, dengan pemenang mara ke ABU Robocon.

Setiap negara menganjurkan pertandingan yang menggunakan tema dan peraturan yang sama dengan ABU Robocon, bagi memastikan pasukan yang bertanding bersedia menghadapi cabaran di peringkat antarabangsa. Sejak tahun 2002, ABU Robocon telah melahirkan juara dari pelbagai negara. Berikut merupakan senarai pemenang:

- 2024 – Vietnam (Tema: "Hari Menuai" – Berinspirasi daripada proses penanaman padi)
- 2023 – Kemboja (Tema: "Melempar Bunga ke Angkor Wat" - Menggambarkan budaya dan seni tradisional Kemboja)
- 2022 – India (Tema: "Lagori" – Berdasarkan permainan tradisional India)
- 2021 – China (Tema: "Melempar Anak Panah" – Berinspirasi warisan budaya Mongolia)
- 2020 – Thailand (Tema: "Robo Rugby" – Versi robotik bagi sukan ragbi)

Pasukan Robotik Universiti Tokyo merupakan pencatat rekod terbanyak dengan empat anugerah utama Grand Prize ABU Robocon, yang dimenangi pada tahun 2011, 2012, 2016, dan 2018.



SENARAI PASUKAN

PERTANDINGAN ROBOCON PERINGKAT KEBANGSAAN 2025
17 – 19 JUN 2025 | UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)



MosFet



MMU_ROBOCON_MELAKA
MMU Cybertron



UPM
UPM B



USM A
USM B



Sunway Robocon
Team



REC UM



UTeM



UMS RC



UNIMAP A



IIUM ROBOTTEAM



UMPBOT



G-Bot



UTM A
UTM B



UPSI ROBOVERSE



HornbillTech



Uniten Thunder



UKM Cyborg



RoboPRO



UTHM Playbot
UTHM Machobot



ROBUST ROBOTICS



UITMKBB

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM PLAYBOT



Budiman Azzali Bin Basir
 Mohd Irfan Bin Salim
 Kwong Yu Jin
 Wong Choon Yu
 Lim Seng Yong
 Woo Ming Huang
 Ong Yu Heng
 Alvin Wong Wei Han
 Bong Huey Cheng
 Koay Ting En
 Mu Qi Ming
 Tay Shi Wen
 Teo Chi San

Pasukan UTHM Playbot terdiri daripada kumpulan pelajar Sarjana Muda dari kursus Mikroelektronik, Elektronik Perubatan, Mekatronik dan sebagainya. Projek ini melibatkan pembangunan dua unit robot bola keranjang; masing-masing direka dengan mekanisme khusus untuk melaksanakan tugas tertentu. Dual-Action Shooter (DAS) dilengkapi dengan mekanisme menangkap dan menembak bola, manakala Single-Distributor Robot (SDR) mempunyai mekanisme menggiring dan menembak bola. Kedua-dua mekanisme robot mampu menembak bola dengan jarak purata sekitar 7 meter. Kedua-dua robot menggunakan mekanisme motor swerve dan servo motor yang membolehkan kawalan sudut tayar bagi pergerakan yang pantas dan tepat, sama ada untuk menembak bola atau bertahan daripada robot lawan. Dual-Action Shooter (DAS) mempunyai mekanisme pergerakan pantas yang digabungkan dengan mekanisme pegas untuk menahan bola dan melepaskannya dengan pelbagai tahap kekuatan. Single-Distributor Robot (SDR) pula menggunakan mekanisme menggiring sendiri yang digabungkan dengan mekanisme pegas untuk menembak bola. Berdasarkan Bill of Material (BOM), sebahagian besar struktur robot diperbuat daripada aluminium, papan lapis, dan bahan PLA yang boleh dikitar semula dan dilupuskan dengan selamat tanpa mencemarkan alam sekitar. Selain itu, beberapa komponen elektronik boleh digunakan semula untuk projek lain atau dilupuskan dengan selamat.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM MACHOBOT



Budiman Azzali Bin Basir
 Muhammad Hafizuddin bin
 Novy Rasyuhandi
 Muhammad Syakir Firdaus
 bin Suib
 Goh Zhen Xing
 Muhammad Safwan bin
 Kamarudin
 Lee Pang Jie Jing
 Chai Meng Yeaw
 Lim Eng Jie
 Sen Yuan Kai

Pasukan UTHM Machobot terdiri daripada kumpulan pelajar Sarjana Muda dari kursus Mikroelektronik, Elektronik Perubatan, Mekatronik dan sebagainya. Projek ini melibatkan pembangunan dua unit robot bola keranjang; masing-masing direka dengan mekanisme khusus untuk melaksanakan tugas tertentu. Dual-Action Shooter (DAS) dilengkapi dengan mekanisme menangkap dan menembak bola, manakala Single-Distributor Robot (SDR) mempunyai mekanisme menggiring dan menembak bola. Kedua-dua mekanisme robot mampu menembak bola dengan jarak purata sekitar 7 meter. Kedua-dua robot menggunakan mekanisme motor swerve dan servo motor yang membolehkan kawalan sudut tayar bagi pergerakan yang pantas dan tepat, sama ada untuk menembak bola atau bertahan daripada robot lawan. Dual-Action Shooter (DAS) mempunyai mekanisme pergerakan pantas yang digabungkan dengan mekanisme pegas untuk menahan bola dan melepaskannya dengan pelbagai tahap kekuatan. Single-Distributor Robot (SDR) pula menggunakan mekanisme menggiring sendiri yang digabungkan dengan mekanisme pegas untuk menembak bola. Berdasarkan Bill of Material (BOM), sebahagian besar struktur robot diperbuat daripada aluminium, papan lapis, dan bahan PLA yang boleh dikitar semula dan dilupuskan dengan selamat tanpa mencemarkan alam sekitar. Selain itu, beberapa komponen elektronik boleh digunakan semula untuk projek lain atau dilupuskan dengan selamat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA MALAYSIA

UTEM



Ts. Dr. Aminurrashid Noordin
 Khoo Jia Zheng
 Lim Chee Yong
 Adam Kasturi Andak
 Raguvaran A/L Rahes
 Ko Yan Rou
 Muhammad Shahril Zul Fadli

Pasukan Robocon Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan kumpulan pelajar seramai 25 orang yang terdiri dari jurusan teknologi dan kejuruteraan dari pelbagai fakulti seperti Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber (FAIX) yang digabung untuk mengasah kemahiran teknikal dan memupuk daya inovasi melalui penyertaan ke pertandingan robotik. Untuk edisi 2025 bertemakan "ROBOT BASKETBALL", pasukan ini membangunkan dua robot iaitu Robot A dan Robot B, hasil kerjasama sub-pasukan Mekanikal, Elektrik & Elektronik dan Pengaturcaraan & AI dengan bimbingan pensyarah-pensyarah. Mekanisma robot-robot ini direka untuk mampu beroperasi bagi menyerang dan bertahan menggabungkan fungsi menggiring dan menjaringkan bola.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UPSI ROBOVERSE



Dr. Fardila Mohd Zaihidee
 Muhamad Shahmi bin Mohd
 Shamshuri
 Abid Syahir bin Samwell
 Muhamad Mifzal Hazim bin
 Hassan
 Wan Muhamad Aidil bin Wan
 Rohimi
 Mohamad Azfar bin Shafee
 Zull Heikal bin Abdul Jalil

Pasukan UPSI Roboverse terdiri daripada 18 orang pelajar Sarjana Muda dari Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) serta Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (META). Dua buah robot (R1 dan R2) telah dibangunkan oleh pasukan UPSI Roboverse untuk Pertandingan Robocon Malaysia 2025. Secara keseluruhannya, reka bentuk robot R1 dan R2 telah memenuhi strategi pertandingan untuk kedua-dua robot melaksanakan tugas iaitu bermain dalam pasukan bola keranjang serta menepati spesifikasi yang telah ditetapkan oleh penganjur. Robot R1 direka bentuk sebagai shooter dan dilengkapi juga dengan mekanisme dribble dan ball feeding. Robot R2 pula direka bentuk sebagai defender dan dilengkapi dengan mekanisme untuk menghalang pihak lawan daripada menjaringkan gol. Badan robot direka bentuk secara lestari, di mana ia dibina menggunakan profil aluminium secara modular yang boleh diguna semula untuk projek-projek yang akan datang. Pergerakan robot menggunakan roda mecanum dan motor DC. Kedua-dua robot dilengkapi dengan kamera sebagai panduan kepada pemain untuk mengawal robot. Robot R1 dan R2 dikawal menggunakan alat kawalan jauh yang berkomunikasi melalui Wi-Fi dengan robot. Dengan robot R1 dan R2 yang telah dibangunkan, pasukan UPSI Roboverse telah menyusun strategi perlawanan bagi pertandingan ini secara fair play.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

IUM ROBOTTEAM



Dr. Mohd Asyraf bin Mohd Razi
 Mohamad Imad Addin bin Ja'afar
 Muhammad Naufal Hakimi bin Irwan Affandi
 Muhamad Naufal bin Mohammad Bakri
 Ahmad Firdaus Husaini bin Hasan Al-Banna
 Ammar Rafiqi bin Nazrul Azwan
 Ahmad Harith Imran bin Mohd Yusof

Pasukan IUM Roboteam terdiri daripada 20 orang pelajar sarjana muda dari pelbagai latar belakang, termasuk Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat (IT). Pasukan ini membangunkan dua robot utama dalam strategi permainan: Robot 1 sebagai Offensive Robot (Shooter) dan Robot 2 sebagai Defensive Robot (Blocker). Robot 1 bertindak sebagai penyerang utama yang ditugaskan menjaringkan mata dari zon 3 mata. Untuk prestasi maksimum, ia dilengkapi sistem pemacu holonomik berkuasa brushless yang membolehkannya bergerak pantas ke semua arah. Penggunaan XY encoder membolehkan penjejakan kedudukan lebih tepat, manakala sensor LiDAR membantu menentukan lokasi dan penjajaran gelung (hoop) dengan lebih jitu. Robot ini juga mempunyai mekanisme khas untuk menggelecek bola serta membidik dan menembak dari jarak jauh dengan ketepatan tinggi. Peranan utamanya adalah menjaringkan mata dengan sokongan sistem navigasi dan pergerakan canggih. Sementara itu, Robot 2 bertindak sebagai robot pertahanan. Ia direka untuk melindungi Robot 1 daripada gangguan lawan serta membantu membuka ruang serangan. Robot ini dilengkapi mekanisme lif boleh laras bagi melakukan halangan secara menegak untuk menyekat tembakan atau hantaran lawan. Ia juga mampu mengawal kawasan tertentu bagi memastikan Robot 1 dapat beroperasi tanpa gangguan. Secara keseluruhan, gabungan strategi menyerang dan bertahan ini mencerminkan kerjasama serta kepakaran teknikal pasukan IUM Roboteam dalam membangunkan robot yang berfungsi dan kompetitif di peringkat tinggi.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UKM CYBORG



Dr. Meor Iqram bin Meor Ahmad
 Ts. Dr. Muhammad Ammirrul Atiqi bin Mohd Zainuri
 Dr. Mohamad Hazwan bin Mohd Ghazali
 Dr. Norazman bin Shahar Idran Zafran bin Mohd Zaidie Wong Ming Hui
 Arissa Atiqah binti Rashdan Irfan Syahmi bin Norazman Bong Yong En
 Noel One Ze
 Fauzana Aisyah binti Mohd Fahmi
 Ngai Hoe Yean
 Haziq Danial bin Hanafi

Pasukan UKM Cyborg terdiri daripada 11 orang pelajar Sarjana Muda daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem. Bersempena dengan tema Robocon tahun ini yang berasaskan sukan bola keranjang, pasukan telah membangunkan dua buah robot manual iaitu R1 dan R2, masing-masing memainkan peranan strategik sebagai penyerang (offense) dan pertahanan (defense). Robot R1 berperanan sebagai robot penyerang. Ia menggunakan mekanisma pneumatik untuk menembak bola dengan ketepatan tinggi yang juga dibantu oleh sistem laser. Ini membolehkannya menyasar dan menembak bola ke arah tiang gol bola keranjang dengan cepat dan tepat. R1 turut mempunyai sistem kawalan sasaran yang membantunya menyelaraskan kedudukan untuk serangan optimum. Robot R2 pula berperanan sebagai robot pertahanan. Ia dilengkapi dengan dinding boleh laras untuk tujuan menghalang pihak lawan daripada menjanginkan gol. Kedua-dua robot dilengkapi dengan roda Mecanum untuk memudahkan robot bergerak ke semua arah.

UNIVERSITI MALAYA

REC UM



Ir. Dr. Wong Wei Ru
 Tan Zhe Horng
 Lee Chin Hong
 Teh Xiao He
 Lai Zhe Jun
 Tan Jia Pern
 Ooi Jun Hern
 Lee Shien Hui
 Wong Yong Xin
 Chee Yong Kang

REC UM terdiri daripada pelajar dari pelbagai latar belakang kejuruteraan, terutamanya dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal. Tahun ini, untuk cabaran Robot Basketball, REC UM dengan bangganya mempersembahkan dua robot yang direka secara unik, masing-masing dengan keupayaan dan strategi tersendiri untuk bersaing sesama universiti. Kedua-dua robot berkongsi rangka struktur dan sistem pergerakan yang sama. Setiap robot dilengkapi dengan roda omnidirectional, membolehkan pergerakan yang lancar dan bermanuver tinggi di gelanggang. Robot 1 direka untuk melaksanakan fungsi utama bola keranjang, termasuk menembak, menghantar, dan menggiring bola. Robot ini menggunakan mekanisme roda tenaga (flywheel) untuk melakukan tembakan yang tepat dan bertenaga, dengan keupayaan menjaringkan tembakan tiga mata. Sistem penjejakan visual turut digunakan untuk mengesan dan menyelar dengan papan belakang, meningkatkan ketepatan tembakan. Selain itu, mekanisme menggiring bola telah diintegrasikan bagi meniru pergerakan dribbling manusia, memperbaiki kawalan bola semasa bergerak. Robot 2 juga dilengkapi dengan sistem tembakan roda tenaga dan mekanisme menggiring bola. Selain itu, ia mempunyai sistem penerimaan bola yang mampu mengumpul hantaran daripada Robot 1 atau mengambil bola yang terlepas di lantai. Rekaan ini membolehkan permainan berpasukan antara kedua-dua robot. Melalui gabungan inovasi mekanikal, reka bentuk strategik, dan kejuruteraan kolaboratif, REC UM komited untuk menghasilkan penyelesaian robotik berprestasi tinggi bagi pertandingan Robocon tahun ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UNIMAP A



Ir. Dr. Haryati binti Jaafar
 Husna binti Saharudin
 Ezral bin Ezni
 Najwa Iman Tihani binti
 Zulkarnain
 Aina Firzanah binti Rosman
 Mohammad Arif bin
 Mohammad
 Muhammad Hazim bin Mohd
 Hanapi
 Asyraf bin Zuhlilmi
 Mohamad Hafizuddin Irfan
 bin Ramlan
 Muhammad Irhan bin Orissa
 Muhammad Izad bin Ahmad
 Zafri
 Muhammad Fareez Syahmi
 bin Noor Hisyam
 Muhammad Mifzan bin
 Mohammad Termizi

Pasukan UniMAP A terdiri daripada 13 pelajar diploma dan Sarjana Muda dari kursus Komputer, Elektronik dan Mekatronik. Secara keseluruhannya reka bentuk R1 dan R2 telah memenuhi strategi pertandingan untuk kedua-dua robot melaksanakan tugas. Melalui pembahagian tugas yang sistematik, para pelajar terlibat dalam keseluruhan proses daripada fasa konsep, reka bentuk, pemodelan, fabrikasi, pengekodan, hinggalah ke pengujian. Hasilnya, dua buah robot telah dibangunkan: R1 sebagai unit serangan (*offensive unit*) dan R2 sebagai unit pertahanan (*defensive unit*). Robot R1 dilengkapi dengan mekanisme penembak berkuasa tinggi yang mampu melontarkan bola dengan jarak dan ketepatan yang tinggi. Mekanisme ini dipasang pada struktur dengan dua darjah kebebasan (2-DOF), membolehkan pelarasan sudut secara menegak dan mendatar (pitch & yaw) agar sasaran boleh disesuaikan mengikut situasi permainan. Sistem pergerakan R1 menggunakan tayar omni yang membolehkan pergerakan holonomik. R2 pula berfungsi sebagai penerima hantaran bola daripada R1 dan bertindak sebagai lapisan pertahanan utama. Untuk memegang dan mengawal bola, R2 menggunakan mekanisme pencengkam bermotor yang direka agar dapat mencengkam bola secara selamat sebelum melakukan *dribble* ke lokasi taktikal. Sama seperti R1, pacuan omni digunakan bagi membolehkan pergerakan lateral dan rotasi yang cekap. Setelah berada dalam posisi yang sesuai, bola akan dihantar semula kepada R1 untuk tindakan susulan. Reka bentuk kedua-dua unit ini terbukti efektif melalui ujian dalaman, dengan ketepatan hantaran, kestabilan kawalan bola, dan keupayaan *dribble* yang responsif. Selain menjadi penyelesaian teknikal yang inovatif, projek ini turut memberi pengalaman langsung kepada pelajar dalam menangani cabaran sebenar dunia kejuruteraan dengan menjadikannya satu sumbangan bermakna kearah pembangunan bakat muda dalam teknologi robotik negara.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UPM



Dr. Nor Mohd Haziq
Amirul Haqim
Muhammad Aiman
Muhammad Muaz
Nalyssa Nazri
Tan Wei Ting
Aesy Iskandar
Amirah Izzati
Nur Izzah Izwani
Amirul Hakimi
Aisyah Syahindah
Choo Wei Xiang

UPM terdiri daripada pelajar Sarjana Muda daripada kursus Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik, Komputer & Komunikasi, serta Biologi & Pertanian. Robot 1 dan Robot 2 menggunakan pemproses ATMEL sebagai asas kawalan utama untuk menggerakkan robot masing-masing. Kedua-dua robot ini dibina khas mengikut tema ROBOCON 2025, yang menekankan semangat kerjasama dan ketepatan masa sebagai elemen utama kejayaan. Robot 1 berperanan sebagai *"The Sharpshooter"*, manakala Robot 2 sebagai *"The Dunking Master"* dalam usaha menewaskan pihak lawan. Kedua-dua robot menggunakan sistem separa automatik (semi-auto) bagi memudahkan kawalan pergerakan oleh pemain. Reka bentuk dan mekanisme robot adalah hasil kreativiti para pelajar, yang telah diubah suai berdasarkan sumber dan komponen robot sedia ada. Sistem pneumatik digunakan secara meluas bagi menyempurnakan pergerakan menimbang dan melontar dengan efisien serta pantas. Kesemua teknologi tersebut adalah asas pembangunan robot dalam industri, sekaligus menjadikan pelajar kejuruteraan Universiti Putra Malaysia sebagai graduan yang kompetitif selain mampu berfikir secara kritikal dan berinovasi.

SUNWAY UNIVERSITY

SUNWAY ROBOCON



Dr Richard Wong Teck Ken
 Tang Wei Liang
 Cheryl Phun Tse Ying
 Law Ka Qing
 Wong Jing Sian
 Ng Yi Zhi
 Raja Muhammad Harith bin
 Raja Shahrul Azian
 Joe Tan Kai Meng
 Koh Ji Shin
 Kow Zi Heng Nicholas
 Sean Chan Wei Ren
 Fidela Alvitahira
 Evan Ban Khai Siong
 Yusuf bin Arman Zaharil
 Aisyah Sofea binti Zahari
 Muhamad Syakeel bin
 Muhamad Syahril @ Syaril
 Yassin Hani Ismael Attiya
 Hassan
 Vincent Ooi Jian Kai
 Ho Zhengying
 Liew Zhi Ren
 Justin Foo Ming Yew

Pasukan Sunway Robocon ialah kumpulan pelbagai disiplin yang terdiri daripada 20 ahli, termasuk 9 pelajar sarjana muda dari program seperti Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal, Kejuruteraan Kimia, Sains Komputer, dan Kejuruteraan Perisian, serta 5 pelajar A-Level dan 6 ahli sokongan pentadbiran. Disatukan oleh minat yang sama terhadap robotik dan inovasi, objektif pasukan ini adalah untuk mereka bentuk dan membina dua robot kompetitif yang mampu melaksanakan tugas menjaringkan mata 3 mata dan 2 mata selaras dengan keperluan pertandingan Robocon. Untuk mencapai objektif ini, robot direka dengan pendekatan modular dan strategik, menampilkan dua sistem pemacu yang berbeza: Robot R1 menggunakan asas roda omni untuk pergerakan omnidirectional dan kelincahan, manakala Robot R2 dibina dengan sistem pemacu roda mecanum yang memberikan kawalan yang lancar dalam situasi permainan yang ketat. Kedua-dua robot dikendalikan menggunakan pengawal PS5 yang disambungkan melalui Bluetooth, membolehkan kawalan yang tepat dengan kependaman rendah. R1 dilengkapi dengan sistem penembak roda tenaga berkembar, direka untuk melancarkan bola secara konsisten ke sasaran mata tinggi dengan kestabilan dan kuasa, dibantu oleh mekanisme auto-aiming berasaskan pengecaman imej. R2 pula mempunyai struktur mekanikal 4 darjah kebebasan (4DOF), termasuk mekanisme lif yang kukuh untuk menyesuaikan kedudukan menegak bagi menjaringkan mata 2 mata dengan berkesan serta mengendalikan bola.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UPM B



Prof. Madya Ir. Dr. Norhafiz
Muhammad Hariz
Adam Bismill
Ahmad Faiezun Ammar
Lai Chun Pin
Asy-Syaukani Nur Iman
Intan Zulaikha
Amar Najman
Siti Khadijah
Muhammad Afiq Aiman
Muhammad Afiq Daniel
Nur Ifah Farhanah
Wee Jian Hui

UPM B terdiri daripada pelajar Sarjana Muda daripada kursus Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik, Komputer & Komunikasi, serta Biologi & Pertanian. Robot 1 dan Robot 2 menggunakan pemproses ATMEL sebagai asas kawalan utama untuk menggerakkan robot masing-masing. Kedua-dua robot ini dibina khas mengikut tema ROBOCON 2025, yang menekankan semangat kerjasama dan ketepatan masa sebagai elemen utama kejayaan. Robot 1 berperanan sebagai *"The Sharpshooter"*, manakala Robot 2 sebagai *"The Dunking Master"* dalam usaha menewaskan pihak lawan. Kedua-dua robot menggunakan sistem separa automatik (semi-auto) bagi memudahkan kawalan pergerakan oleh pemain. Reka bentuk dan mekanisme robot adalah hasil kreativiti para pelajar, yang telah diubah suai berdasarkan sumber dan komponen robot sedia ada. Sistem pneumatik digunakan secara meluas bagi menyempurnakan Pergerakan menimbang dan melontar dengan efisien serta pantas. Kesemua teknologi tersebut adalah asas pembangunan robot dalam industri, sekaligus menjadikan pelajar kejuruteraan Universiti Putra Malaysia sebagai graduan yang kompetitif selain mampu berfikir secara kritikal dan berinovasi.

UNIKL MALAYSIA FRANCE INSTITUTE (UNIKL-MFI)

MOSFET



Amir Sharizam Ismail
 Muhammad Alif Danial Fazli
 Nor
 Husin bin Hamdan
 Ahmad Zhafreen Fikri bin
 Yaakob
 Muhammad Hariz bin
 Mohamad Tarmidzi
 Akmal Ramadhan bin Azmi
 Muhammad Ameer Aizad bin
 Rezuan
 Yusof
 Zarif
 Arif
 Izwan
 Azhar
 Irfan
 Asif
 Darwish
 Hafiz

Kami adalah pasukan yang berdedikasi dan bersemangat yang dengan bangganya mewakili Kelab Robotique Society, terdiri daripada tujuh pelajar—Alif, Husin, Ameer, Zhafreen, Hariz, Akmal, dan Zarif—yang sedang melanjutkan pengajian dalam Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dalam Automasi dan Robotik serta Kejuruteraan Air. Ahli pasukan kami, berusia antara 20 hingga 25 tahun, berasal dari pelbagai negeri di Malaysia, termasuk Pahang, Selangor, dan Negeri Sembilan, membawa bersama kepelbagaian latar belakang budaya, pengalaman, dan perspektif. Minat kami yang sama terhadap robotik, automasi, dan inovasi teknologi telah menyatukan kami untuk bekerjasama dalam pelbagai projek dan pertandingan berkaitan robotik. Di bawah bimbingan dan tunjuk ajar Encik Amir Sharizam, seorang pensyarah yang dihormati dari Jabatan Mekatronik di UniKL Malaysian France Institute (MFI), kami telah berkembang dari segi teknikal dan profesional. Sebagai peserta aktif dalam pertandingan robotik, kami sentiasa berusaha untuk menerapkan pengetahuan akademik dalam cabaran dunia sebenar, meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, dan memupuk semangat kerja berpasukan. Melalui Kelab Robotique Society, kami berhasrat untuk menginspirasi generasi jurutera yang baharu, menyumbang secara bermakna kepada kemajuan robotik, dan dengan bangga mewakili UniKL di peringkat serantau dan kebangsaan.

GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE (GMI)

G - BOT



Mr. Mohd Heidir Mohd Shah
 Ts. Dr. Ahmad Hafiz Mohd Hashim
 Ts. Afiq Farees B Jamil
 Dr. Sham Firdaus Md Ali
 Muhammad Wafiuddin
 Ashraf Syazwan
 Muhamad Iman Hakim
 Muhammad Nur Iman
 Muhammad Aqif Rahimi
 Emir Muaz Indra Safri
 Atikah Binti Iqbal Ahmed
 Nur'iel Hannie Aries'sya
 Ellysha Maisarah Binti
 Dzulkiyly
 Nur Eriqa Zaidi
 Ayu Sufina Muhammad Faizal
 Nurin Nabilah Khairul Izhar

Pasukan kami terdiri daripada pelajar kejuruteraan yang bersemangat dan berdedikasi dari pelbagai latar belakang dalam bidang mekanikal, elektrik, dan perisian. Walaupun dianggap sebagai 'underdog', setiap ahli memainkan peranan penting dalam pembangunan robot, bermula dari konsep awal dan reka bentuk hingga ujian dan penambahbaikan. Dengan bimbingan daripada penasihat berpengalaman, pasukan ini bukan sahaja dibentuk untuk bersaing tetapi juga untuk belajar, berinovasi, dan berkembang melalui kerjasama. Untuk Robocon 2025, bertemakan "Basketball", robot kami direka untuk beroperasi dalam mod separa autonomi, mampu mengesan bola, mengumpulkannya, menavigasi arena, dan melakukan tembakan tepat ke dalam jaring. Sistem pemacu robot menampilkan rangka ringan dengan motor yang dikawal secara bebas, memberikan kelincuhan dan kestabilan semasa pergerakan. Selain itu, mekanisme pelancaran yang direka khas memastikan bola dapat ditembak dengan konsisten dan bertenaga, dengan ketepatan berdasarkan jarak dan sudut. Dengan gabungan kreativiti, disiplin teknikal, dan semangat berpasukan yang kuat, kami komited untuk menghasilkan robot berprestasi tinggi dan mewakili institusi kami dengan cemerlang. Moto kami – "Mission: Impossible – Challenge Accepted".

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

UITMKBB



TEROKAI KAMI

Muhammad Aliff Rosly
 Dr. Mohamad Izudin Alisah
 Adila Nalisa Mohd Roslan
 Tc. Nur Zur'ain Abdul Wahi
 Muhammad Syazwan Mat Sabli
 Muhamad Irfan Mohd Shahir
 Muhammad Hazrul Haziq Rani
 Mohamad Zaim Roslan
 Muhammad Azri Ali Hazli
 Muhammad Iqbal Hakimi
 Edee Farrek

Pasukan UiTMKBB terdiri daripada 4 orang staf dan 6 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi. Kampus ini terletak di kawasan rekreasi berhampiran Tasik Puteri, Bukit Besi, Terengganu, yang terkenal dengan pemandangan indah. Ini adalah penyertaan pertama pasukan dalam Robocon Malaysia, bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada staf dan pelajar, serta meningkatkan pengaplikasian teknologi robotik dalam pembangunan robot. Robot yang dibangunkan oleh pasukan ini menggunakan sistem pacuan 4 tayar mecanum, yang membolehkan pergerakan ke semua arah dengan darjah kebebasan (DOF) yang tinggi. Sistem kawalan utama membolehkan robot dikawal dengan lebih halus dan responsif, memberikan kelebihan dalam pengendalian semasa pertandingan. Selain itu, robot ini turut dilengkapi dengan sistem vision, yang berupaya untuk melakukan pengesanan objek (*object detection*), menganalisis data visual secara langsung, dan seterusnya menghantar arahan kawalan kepada sistem penggerak untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan dengan lebih cekap dan pantas. Sebagai pasukan baharu, UiTMKBB bertekad memanfaatkan peluang ini sebagai batu loncatan untuk meningkatkan keupayaan teknologi robotik pada masa depan.

MMU CYBERJAYA

MMU CYBERTRON



Dr. Lo Yew Chiong
Tung Tze Yang
Koh Ming Yao
Lim Zing
Haffiz Rafi bin Mohammad
Kamarul Shah
Chong Jian Sieuang
Lee Joe Ann

Pasukan MMU Cybertron terdiri daripada 18 pelajar Universiti Multimedia, Cyberjaya, dari pelajar Asasi hingga Tahun 4, yang berasal daripada pelbagai bidang seperti Kejuruteraan Elektronik, Teknologi Maklumat, dan Robotik Pintar. Walaupun ahli-ahli pasukan kami datang dari bidang yang berbeza tetapi setiap ahli dalam pasukan ini berkongsi minat yang sama. Kami bersatu dengan satu matlamat – buat yang terbaik dan menang! Pasukan ini telah membina dua unit robot untuk bermain bola keranjang. Kedua-dua robot akan bekerjasama untuk menyelesaikan permainan dengan menggelecek dan menjaringkan bola ke dalam tiang bola keranjang. Kedua-dua Robot 1 dan Robot 2 dilengkapi dengan penembak selari serta mekanisme pneumatik dan “hooded-double flywheel” untuk memuat dan menembak bola keranjang. Perbezaan utama antara kedua-dua robot ialah Robot 2 mempunyai jaring yang besar.

Cogan kata pasukan MMU Cybertron untuk tahun ini ialah:
"Ad-Viictorium – Robocon 2025."

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

UMPBOT



Dr. Ahmad Najmuddin
Ibrahim
Pravin A/L Thiruchelvam
Ronald Lee Deng
Muhammad Al Imran Salim
Loo Hui Kie
Muhammad Amirul Syukri
Mohamed Salim
Krisna Krishnan Ganesan

Pasukan UMPBOT terdiri daripada dua orang pelajar Diploma serta dua puluh tiga pelajar Ijazah Sarjana Muda daripada pelbagai bidang kejuruteraan seperti Kejuruteraan Mekanik, Elektronik dan Automotif. Sejak penubuhannya pada tahun 2018, pasukan ini telah aktif dalam penyelidikan dan pembangunan robotik sebagai usaha untuk memupuk kemahiran teknikal, kreativiti serta inovasi dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Bagi pertandingan ABU Robocon 2025 bertemakan “Robot Basketball”, pasukan UMPBOT telah mereka bentuk dua robot iaitu Robot Menyerang (OR) dan Robot Bertahan (DR) yang berfungsi secara manual dalam permainan berasaskan bola keranjang. Robot OR dilengkapi dengan mekanisma penembak yang mampu melakukan lontaran 2 mata dan 3 mata serta sistem menggelecek yang membolehkan bola dilantun dan dikutip dari pelbagai arah di gelanggang. Manakala robot DR direka khas untuk menghalang serangan lawan melalui pemintasan hantaran dan sekatan tembakan dengan tindak balas pantas. Kedua-dua robot menggunakan sistem pacuan roda omni bagi pergerakan yang tangkas dan pelbagai arah. Koordinasi antara OR dan DR dibangunkan secara strategik untuk memastikan pengendalian bola yang cekap serta pertahanan yang efektif. Dari segi kejuruteraan lestari, komponen robot telah dibina menggunakan gabungan bahan cetakan 3D dan aluminium kitar semula daripada projek robotik terdahulu. Melalui penyertaan ini, pasukan UMPBOT bukan sahaja memperkukuh keupayaan teknikal tetapi turut menzahirkan komitmen terhadap inovasi lestari dalam bidang robotik.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM A & UTM B



Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd
 Ridzuan Ahmad
 Moh Nian Chun
 Leong Jin Ye
 Goh Wil-Son
 Moaz Hany Elbakhsha
 Ng Ping Shean
 Ivy Ling Hock Hong
 Liew Jin Yi
 Ennis Lam Si Hoong
 Lee Wen Kai
 Esther Ang Hui En
 Hashim Zaki Eltahir
 Elmaryoud

